

Bersedia hadapi cabaran globalisasi alaf baru

BH 28 JUN 2000

Ucuptama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) Ke-27 di Kuala Lumpur, semalam.

TEMA persidangan kali ini, 'Islam dan Globalisasi', tepat pada masanya ketika negara-negara Islam, anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan umat Islam amnya, bersiap sedia untuk menghadapi cabaran globalisasi pada alaf baru.

Izinkan saya menyampaikan sepatah dua kata mengenai globalisasi, suatu konsep yang sudah ada bersama kita dan sesuatu yang malang untuk dialami Malaysia akhir-akhir ini dan mendapati ia bukanlah sesuatu yang digambarkan sebagai sistem dan konsep yang seharusnya memperkayakan dunia, termasuk negara membangun seperti kami. Sebaliknya, sistem kewangan dunia globalisasi hampir memuffiskan kami, hampir menyebabkan kami menjadi papa dan peminta sedekah, hampir meletakkan kami di bawah telunjuk kuasa asing yang agendanya tidak sama dengan kami dan sudah pasti ia tidak berlandaskan Islam.

Tetapi sebelum bercakap mengenai globalisasi secara khusus, ingin saya nyatakan, untuk menyediakan diri kita menghadapi cabaran akan datang, kita harus terlebih dulu menilai keadaan masa kini dan mengkaji masa lalu. Saya yakin

cari penempatan dan untuk berdakwah. Kereta-kereta kuda, unta dan keldai mengangkut barang dagangan di antara bandar raya di China dan bandar raya di Eropah.

Penyelidikan dalam perubahan meletakkan orang Islam jauh mengatasi orang lain dalam bidang ini dan meletakkan asas untuk perubahan moden. Bandar raya besar dibina dengan dilengkapi perpustakaan besar dan universiti. Pahlawan terlatih yang mengenakan baju besi ringan, menewaskan tentera yang lengkap bersenjata di Eropah dan memberi perlindungan kepada masyarakat dan negara Islam. Empayar Islam adalah kuasa dunia dan orang Islam dilayan dengan penuh hormat di mana-mana.

Tamadun yang dibina orang Islam bertahan berkekalan untuk beberapa abad dan adalah yang paling gemilang dalam sejarah manusia. Ia bagaikan akan bertahan selama-lamanya. Islam bagaikan akan menjadi agama dominan dunia. Sebilangan besar penganut Katolik Sepanyol dan orang Cina yang beragama Buddha turut menerima Islam dan seolah-olah ramai lagi yang akan berbuat demikian.

mereka tidak berupaya menandingi produk Eropah. Perkara paling malang ialah umat Islam berhadapan keperluan untuk menggunakan produk industri Barat. Sudah tentu mereka memerlukan senjata moden ciptaan Barat.

Al-Quran menuntut orang Islam untuk bersiap sedia untuk menakutkan dan melawan musuh mereka dengan kuda perang dan senjata pertahanan. Disebabkan sibuk dengan perbincangan yang tidak habis-habis mengenai perunda-

tut oleh Islam. adalah rukun untuk survival dan kejayaan. Sudah pasti ada keperluan untuk membaca, iaitu untuk belajar menimba ilmu. Ini adalah ayat pertama yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w. Pada masa itu, apa yang ada untuk Muhammad baca kecuali penulisan sarjana-sarjana sebelum Islam. Untuk membaca adalah untuk belajar dan seperti kita tahu, sarjana awal Islam mempelajari penulisan Greek dan lain-lain sarjana silam. Dan



lam, dikutuk oleh kebanyakan kita sebagai sekular dan kita didesak untuk menolaknya. Setengah daripada kita terpaksa berhijrah untuk menimba ilmu dan berikutan itu, orang lain mendapat manfaat daripada kemahiran yang dimajukan oleh orang kita.

Dan kerana ini kita tidak dapat membangunkan negara kita, kita tidak dapat melaksanakan industri, kita tidak dapat menandingi walau pun negara-negara maju yang baru. Kita terpaksa bergantung kepada orang lain untuk mengeksploitasi kekayaan semulajadi kita.

Sekarang Era Perindustrian memberi laluan kepada Era Maklumat. Orang bukan Islam melihat peluang daripada teknologi baru dan sibuk mengeksploitasikannya. Kekuasaan industri mereka banyak digandakan oleh penguasaan mereka dalam aplikasi maklumat.

Mereka sudah memperkenalkan idea dunia tanpa sempa-

jika kita berbuat demikian, kita akan berupaya untuk mengelak kesilapan masa kini dan masa lalu dan berupaya menangani masa depan dengan lebih mahir lagi. Sejarah sudah berulang kali membuktikan bahawa kesilapan yang kita lakukan selama ini agak serupa dan berikutan itu kita sentiasa menanggung akibat yang sama. Kita seolah-olah tidak pernah belajar.

Marilah kita ambil fanatisme puak sebagai contoh. Apabila Islam datang ke Tanah Arab, mereka adalah masyarakat yang berpecah-belah dengan kesetiaan fanatik kepada puak masing-masing. Disebabkan ini, mereka tidak pernah aman dan kekal sebagai masyarakat yang paling mundur. Islam menyatukan mereka dan menghentikan peperangan puak yang sebelumnya tidak pernah berakhir. Dan mereka menjadi orang yang paling berkuasa serta berupaya menyebarkan syiar Islam dari China di Timur ke Sepanyol di Barat, dari padang rumput wilayah dingin Asia Tengah ke hutan tebal tropika Asia dan Afrika. Dalam proses itu, sebuah empayar besar dan tamadun Islam terbina.

Patuh kepada ajaran Islam untuk mencari ilmu, orang Islam dulu mengambil alih sains, matematik dan kesenian tamadun terdahulu, memajukan dan memperluaskannya sehingga tamadun Islam yang dibangunkan menjadi yang paling terpelajar, berilmu, maju dan paling berkuasa. Di negara-negara Islam, industri dimulakan dengan menghasilkan produk terbaik daripada keluli dan logam lain, kayu-kayan, kaca dan bahan mentah lain. Orang Islam membina kapal yang belayar sehingga jauh ke sudut dunia, untuk berdagang, untuk men-

Sejarah sudah berulang kali membuktikan bahawa kesilapan yang kita lakukan selama ini agak serupa dan berikutan itu kita sentiasa menanggung akibat yang sama

Tetapi proses Islamisasi dunia terhenti kerana orang Islam mula kembali kepada cara pra-Islam mereka. Mereka mula berbalah dan berperang sesama sendiri, membentuk pemerintahan kecil, menolak kesetiaan mereka kepada Islam dan lebih cenderung untuk setia kepada pemimpin setempat dan negeri mereka. Mereka menjadi taksub dengan intepretasi dan pengubalan undang-undang Islam dan mereka bertelagah mengenai siapa yang betul dan siapa yang salah. Setiap orang cuba mengetepikan yang lain dalam keghairahan mereka beramal. Mereka menolak usaha menimba ilmu selain daripada yang semata-mata berkaitan dengan agama Islam. Dan mereka gagal untuk menyedari perubahan yang berlaku di Eropah, perubahan yang dibawa oleh pengetahuan orang Eropah yang diperolehi daripada orang Islam, perubahan yang kemudian membawa kepada Revolusi Industri.

Dan apabila Era Perindustrian tiba, orang Islam tiada peranan di dalamnya. Malah, mereka menolaknya sebagai ciptaan syaitan. Industri Islam mundur, produk buatan tangan

ngan dan amalan Islam, umat Islam mengabaikan pertahanan mereka sepenuhnya. Tiada siapa boleh mempertahankan diri jika mereka terpaksa mendapatkan senjata mereka daripada musuh mereka. Dengan masa beredar, tentera Islam semakin lemah dan wilayah mereka jatuh ke tangan musuh satu demi satu.

Orang Sepanyol menawan semula Sepanyol dan menyebarkan orang Islam ke Afrika. Di sana pun, mereka tidak selamat. Orang Sepanyol menjejaki mereka, menakluki tanah mereka dan meletakkan mereka di bawah pemerintahan Sepanyol.

Di Eropah Timur, Empayar Uthmaniah melalui proses yang sama. Mengabaikan keperluan untuk mempelajari ilmu pengetahuan dan kegagalan untuk menyedari kesan Revolusi Industri yang menjadikan negara Eropah kuasa besar, bimbang samaada seluar dan hujung topi orang Eropah itu berasaskan Islam atau tidak, Empayar Agung Turki sudah tidak berupaya untuk mempertahankan diri. Dihasut oleh orang British dan Perancis, orang Arab di Empayar Turki bersekongkol dengan musuh Islam untuk melepaskan diri daripada pemerintahan Turki. Dan apabila Empayar Islam Turki berktubur, orang Arab mendapati bahawa mereka sudah menukar pemerintahan Turki kepada pemerintahan British dan Perancis. Malah, tanah Turki tunduk di bawah pemerintahan Greek dan mungkin kekal sedemikian hingga ke hari ini.

Iktibar yang harus kita pelajar-i daripada sejarah orang Islam dan Empayar Islam amat banyak. Sudah tentu yang pertama haruslah persaudaraan Islam, sebagaimana yang ditun-

Sebahagian besar masyarakat Islam di Malaysia terlalu sibuk berebut kuasa hingga tidak menyedari betapa besarnya ancaman yang dihadapi atau untuk berterima kasih kerana kami berupaya menangkis usaha untuk menjajah kami

kerana mereka mengikut suruhan Islam, orang Islam awal terpelajar dan mahir dalam memimpin peperangan dan keamanan dan berjaya menyebarkan ajaran Islam dan memenangi kesetiaan dan wilayah.

Tetapi jika kita melihat keadaan sekarang, adalah agak jelas bahawa kita tidak mempelajari apa-apa daripada masa lalu. Kita, umat Islam, jauh daripada bersaudara. Hari ini kita lebih berpecah-belah daripada masa lalu. Banyak daripada negara-negara kita berperang sesama sendiri. Dan di dalam setiap negara, kita tidak berupaya untuk bersatu padu, untuk membentuk kerajaan yang kukuh dan progresif. Jika kita mengamalkan demokrasi sekalipun, kita menggunakan Islam untuk memecah-belahkan daripada menyatupadukan dan kita melemahkan diri kita sendiri dan kerajaan kita.

Berkaitan tuntutan untuk menimba ilmu, jelas kita jauh ketinggalan berbanding negara lain di dunia. Ilmu pengetahuan, selain pengetahuan Is-

dan, negara global. Mesin propaganda mereka sudah memastikan idea ini diterima secara universal. Tidak menerimanya akan menjadikan kita dianggap keras kepala, ketinggalan zaman dan hidup di waktu silam. Dan dengan itu, kita umat Islam dipaksa untuk menyertai pujian terhadap globalisasi.

Tahukah kita apa yang kita terima? Kita mungkin tahu sesuatu tetapi tidak sepenuhnya.

Dengan rasa rendah diri, saya ingin mendakwa bahawa Malaysia tahu lebih sedikit daripada kebanyakan negara Islam lain. Tapi apa yang kami tahu dan apa yang kami alami telah menjadikan kami lebih berhati-hati terhadap janji-janji besar pendukung globalisasi.

Saya ragu-ragu kita boleh mengubah prosesnya tetapi dengan mengetahui ideanya, konsepnya dan apa yang ia boleh dan telah lakukan kepada kami, menjadikan kami lebih berwaspada dan membantu kami untuk bersedia menghadapi pelbagai cabaran yang akan menyusul atas nama globalisasi ini.

Seperti yang saya katakan, Malaysia telah melalui beberapa pengalaman pahit dengan dunia tanpa sempadan ini. Hanya dengan menurunkan nilai mata wang kami, kami boleh dijadikan begitu miskin sehingga kami mungkin terpaksa mempertaruhkan kemerdekaan kami.

Ramai mungkin berpendapat dalam berdepan ancaman seperti itu, kami sebagai rakyat Islam negara ini, akan bersatu padu untuk mempertahankan diri kami. Tetapi sebaliknya sebahagian besar daripada masyarakat Islam di Malaysia terlalu sibuk berebutkan kuasa